

2,500 pemimpin BN ucap terima kasih kepada Dr. M

JM 15 JAN 2004

Oleh AZNAN BAKAR

KUALA LUMPUR 14 Jan. — Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memacu negara ini selama 22 tahun malam ini diraikan oleh kira-kira 2,500 pemimpin pelbagai peringkat daripada parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) pada majlis Jamuan Perdana Jasamu Dike-nang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Turut bersama Dr. Mahathir ialah isterinya Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Jamuan itu bagi menghargai jasa-jasa Dr. Mahathir sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

Ia juga merupakan tanda terima kasih kepada bekas pe-

mimpin itu yang telah menyumbang banyak idea dan tenaga untuk kemajuan BN dan negara.

Jamuan itu turut dihadiri oleh Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor.

Abdullah dalam ucapannya di buku cenderamata majlis itu menggambarkan warisan dan pusaka yang ditinggalkan oleh Dr. Mahathir akan terus dikenang oleh rakyat Malaysia kerana ia dapat dilihat di mana-mana sahaja.

“Tempoh 22 tahun perkhidmatan Tun adalah merupakan satu jangka masa yang amat

bermakna kepada negara. Dalam tempoh itu, negara telah menempa banyak kejayaan baik di bidang ekonomi, sosial mahupun di antara kaum yang dikagumi oleh negara-negara lain,” katanya.

Dr. Mahathir telah memimpin BN dalam lima pilihan raya umum dengan mencatat kemenangan lebih 2/3.

Mengulas mengenai perkara itu, pengerusi jawatankuasa penganjur majlis itu, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, kekuatan Dr. Mahathir akan terus menjadi semangat berkekalan kepada BN untuk mencatatkan kejayaan cemerlang dalam pilhan raya akan datang.

“Kita akan bawa semangat

itu bagi memastikan kejayaan BN pada pilihan raya umum ke-11,” kata Presiden Gerakan itu.

Sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri dan Pengerusi BN, Dr. Mahathir juga berjaya memacu kejayaan negara termasuk dalam bidang ekonomi sehingga dicontohi oleh pelbagai negara sedang membangun.

Kejayaan besar beliau itu bersama dengan sokongan pemimpin-pemimpin parti komponen BN yang lain telah berjaya memartabatkan Malaysia di mata dunia.

Jamuan malam ini merupakan siri majlis penghargaan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak bagi meraikan Dr. Mahathir yang dianggap sebagai jurucakap dunia ketiga.